



Original Article

Analisis Status Hadith Syafaat *Huffaz Al-Quran* Kepada 10 Ahli Keluarga ***Analysis on the Status of the Hadith Intercession of Huffaz Al-Quran to 10 Family Members***

Khadher Ahmad^{a*} & Mohd Farhan Md Ariffin^a

^a Department of al-Quran and al-Hadith, University of Malaya, Malaysia

* Corresponding author, email; al.muqarrobun@gmail.com.my

ABSTRACT

In Malaysia, among the famous weak hadiths is the intercession of hafiz al-Quran to 10 members of his family. As a result, the hadith has established trust and continues to be thicker within the society. Even in a virtual site such as facebook, twitter, blogs and so on, many of these hadiths are addressed when it comes to the importance of hafiz al-Quran. Most notably, the promotion of admission to the Quranic centers in Malaysia is still using the argument for years. Therefore, the effort to explain to the public is important to cultivate the authentic hadiths in religious life. As one of the means, this article attempts to analyze the hadith through the study of the narrator network, the support of the narration path (*mutaba'at* and *syawahid*) existing based on the study of *tarajim al-Ruwat* and *Jarh wa al-Ta'dil* based on *ulum al-Hadith*. The result is that hadith is not valid (*munkar*: very weak) and in it there is the narrator of *matruk*, lying a part and *majhul* (unknown) by the scholars of 'hadith. It is hoped that this study will be useful for all Muslims.

Keywords: Intercession, Hafiz al-Quran, Sanad Review, Hadith Law, Explanation

Pendahuluan

Hadith da'if merupakan hadith bersatus lemah. Menurut Ibn Salah, hadith da'if ialah hadith yang tidak menepati ciri-ciri hadith sahih atau hasan. Dalam lapangan ilmu hadith, kedudukan hadith da'if merupakan sesuatu perkara yang sering diperdebatkan. Tidak kurang juga terhasil pelbagai isu dan pegangan (*i'tiqad*) akibat hadith da'if. Didapati salah faham dalam memahami definisi, kelompok hadith da'if, syarat periwayatan dan tidak berupaya melakukan kaedah *takhrij wa tahqiq* dilihat banyak mencetuskan variasi persepsi dan reaksi.

Skop dan Metodologi

Melihatkan fenomena ini, artikel ini berusaha menganalisis satu hadith paling popular dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia, iaitu mengenai syafaat *huffaz* (penghafaz al-Quran) kepada 10 orang ahli keluarganya. Isu yang dibincangkan khusus terhadap rangkaian sanad

hadith tersebut memfokuskan elemen *Jarh wa al-Ta'dil* setiap perawi sehingga membawa kepada konklusi hukum hadith.

Melalui pendekatan analisis data secara campuran (*mixed method*) berasaskan kajian kualitatif, perkara utama yang diberi penekanan adalah penjelasan kritis terhadap hadith utama yang membicarakan mengenai syafaat *huffaz* (penghafaz al-Quran) kepada 10 orang ahli keluarganya. Sanad sokongan (*mutaba'at* dan *syawahid*) sedia ada juga dianalisis bagi memastikan keabsahan hadith. Ulasan perawi dalam setiap sanad yang dinyatakan juga dinukilkan daripada kitab karangan ulama' *nuqqad* hadith mu'tabar. Hal ini penting bagi menjamin autoriti pandangan terhadap seseorang perawi. Seterusnya, kajian juga menentang riwayt sahih berkenaan syafaat hafiz al-Quran.

Analisis Hadith Utama

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ حُجْرٍ، أَحْبَبْنَا حُفْصُ بْنُ سُلَيْمَانَ، عَنْ كَثِيرِ بْنِ زَادَانَ، عَنْ عَاصِمِ بْنِ صَمْرَةَ، عَنْ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ: مَنْ قَرَأَ الْقُرْآنَ وَاسْتَنْظَرَهُ فَأَحَلَّ حَلَالَهُ وَحَرَّمَ حَرَامَهُ أُدْخِلَهُ اللَّهُ بِهِ الْجَنَّةَ، وَشَفَعَهُ فِي عَشْرَةٍ مِنْ أَهْلِ بَيْتِهِ كُلُّهُمْ قَدْ وَجِبَتْ لَهُ النَّارُ

Terjemahan hadith: “Sesiapa yang membaca al-Qur'an kemudian mampu mengeluarkannya (menghafalnya), menghalalkan segala yang diharamkan oleh al-Quran, mengharamkan semua yang al-Quran haramkan, (nescaya) Allah SWT memasukkannya dalam syurga dan memberi syafaat kepada 10 orang ahli keluarganya. Semuanya diselamatkan daripada neraka.” [Hadith riwayat al-Tirmidhi]¹

Komentar Terhadap Perawi

[*Pertama*]: 'Ali Ibn Abi Talib Ibn 'Abd al-Mutalib al-Hashimi atau dikenal sebagai Haydarah, Abu Turab dan Abu al-Hasanayn merupakan anak kepada bapa saudara Nabi Muhammad SAW, Abu Talib dan suami kepada menantu baginda SAW, Fatimah. Beliau merupakan antara sahabat terawal memeluk Islam dan termasuk sepuluh orang sahabat yang dijamin syurga. Beliau wafat pada usia 63 tahun dalam bulan Ramadan tahun 40 H.²

[*Kedua*]: 'Asim Ibn Damrah al-Saluliy al-Kufiy dihukum *saduq* oleh Ibn Hajar al'Asqalani. Beliau merupakan tabi'in zaman pertengahan dan wafat pada tahun 44 H.³

[*Ketiga*]: Kathir Ibn Zadhan al-Nakh'ie dihukum *majhul* (tidak dikenali) oleh Ibn Hajar al-'Asqalani. Beliau tergolong dalam kalangan awal tabi'al-Tabi'in.⁴

[*Keempat*]: Hafs atau nama penuhnya, Abu 'Umar Hasf Ibn Sulayman al-Asadi al-Bazzar al-Kufi al-Ghadiri. Beliau dikenal sebagai Hafs Ibn Abu Dawud al-Qari'. Dipanggil juga sebagai Hufays, disebabkan diperkecilkan riwayatnya (ditinggalkan riwayatnya oleh ulama' hadith), meskipun beliau imam dalam bidang Qiraat al-Quran. Beliau merupakan tabi'al-Tabi'in zaman pertengahan dan wafat pada tahun 80 H pada usia 90 tahun.⁵

¹ Muhammad Ibn 'Isa al-Tirmidhi, Jami' al-Tirmidhi, Kitab Fada'il al-Quran, Bab Ma Ja'a fi Fadhl Qari' al-Quran, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, no. Hadith 2905, 1070.

² Ibn Hajar al-'Asqalani, Taqrib al-Tahdhib, t.t.: Dar al-'Asimah lil Nashr wa al-Tawzi', 698.

³ Ibid, 472.

⁴ Ibid, 807.

⁵ Ibid, 257.

[*Kelima*]: ‘Ali Ibn Hujr Ibn Iyas al-Sa’diy al-Marwazi merupakan seorang *thiqah hafiz*. Beliau merupakan golongan penghujung tabi’ al-Tabi’in dan wafat pada usia menghampiri 100 tahun.⁶

Komentar Terhadap Hadith

Imam al-Tirmidhi sendiri mengkritik hadith tersebut dengan berkata:

هذا حديث غريب لا نعرفه إلا من هذا الوجه وليس إسناده بصحيح و حفص بن سليمان يضعف في الحديث

Terjemahan: “*Hadith ini ganjil (gharib al-Hadith). Ia tidak diriwayatkan melainkan dengan sanad ini sahaja. Sanadnya tidak sah kerana Hafs bin Sulaiman didaifkan dalam periwayatan hadith.*”⁷

Bahkan sanad hadith utama adalah sangat lemah (*shadid al-Da’f*) oleh kerana di dalamnya terdapat Kathir Ibn Zadhan al-Nakh’ie yang tidak dikenali (*majhul*) selain Hafs Ibn Sulayman yang teruk dikritik sebagai perawi *matruk* (ditinggalkan hadithnya oleh ulama hadith). Meskipun perawi lain tidak bermasalah (dipercayai), hadith tersebut masih tidak layak diterima pakai dalam bab akidah (syafaat) atau tidak boleh dinaikkan darjat⁸ selagimana masih wujud perawi *majhul* dan *matruk* dalam rangkaian sanad.

Sokongan (*Mutaba’at*) Terhadap Hadith Utama

Seterusnya untuk melengkapkan proses takhrij hadith utama, perlu kepada penelitian terhadap *mutaba’at* (sokongan daripada jalur lain) untuk mendapatkan jalur sanad yang lebih baik. Daripada penelitian, terdapat empat jalur sokongan *mutaba’at* untuk hadith utama.

[*Hadith Sokongan Pertama*]

حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ عُثْمَانَ بْنِ سَعِيدِ بْنِ كَثِيرِ بْنِ دِينَارِ الْحِمَاصِيِّ، حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ حَزْبٍ، عَنْ أَبِي عُمَرَ، عَنْ كَثِيرِ بْنِ زَادَانَ، عَنْ عَاصِمِ بْنِ صَمْرَةَ، عَنْ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ: مَنْ قَرَأَ الْقُرْآنَ، وَحَفِظَهُ أَدْخَلَهُ اللَّهُ الْجَنَّةَ، وَشَفَعَهُ فِي عَشْرَةِ مِنْ أَهْلِ بَيْتِهِ كُلُّهُمْ قَدْ اسْتَوْجَبُوا النَّارَ

Terjemahan hadith: “*Sesiapa yang membaca al-Qur’an dan menghafaznya, (nescaya) Allah SWT memasukkannya dalam syurga dan memberi syafaat kepada 10 orang ahli keluarganya. Semuanya diselamatkan daripada neraka.*” [Hadith riwayat Ibn Majah]⁹

[*Hadith Sokongan Kedua*]

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ، حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ بَكَّارٍ، حَدَّثَنَا حَفْصُ بْنُ سُلَيْمَانَ يَعْنِي أَبَا عُمَرَ الْفَارِسِيَّ، عَنْ كَثِيرِ بْنِ زَادَانَ، عَنْ عَاصِمِ بْنِ صَمْرَةَ، عَنْ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ: مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ فَاسْتَنْظَرَهُ وَحَفِظَهُ، أَدْخَلَهُ اللَّهُ الْجَنَّةَ، وَشَفَعَهُ فِي عَشْرَةِ مِنْ أَهْلِ بَيْتِهِ كُلُّهُمْ قَدْ وَجِبَتْ لَهُمُ النَّارُ

Terjemahan hadith: “*Sesiapa yang mempelajari al-Qur’an, kemudian mampu mengeluarkannya (menghafalnya) dan memeliharanya, (nescaya) Allah SWT memasukkannya*

⁶ Ibid, 691.

⁷ Muhammad Ibn ‘Isa al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, Riyad: Maktabah al-Ma’arif li al-Nashr wa al-Tawzi’, no. Hadith 2905, 649.

⁸ Ibn Hajar al-‘Asqalani, Taqrib al-Tahdhib, t.t.: Dar al-‘Asimah lil Nashr wa al-Tawzi’, 81.

⁹ Ibn Majah al-Qazwayni, Sunan Ibn Majah, Abwab fi Fada’il Ashab Rasulullah, Bab Man Ta’allam al-Quran wa ‘Allamahu, Beirut: Dar al-Fikr, no. Hadith. 216, 62.

dalam syurga dan memberi syafaat kepada 10 orang ahli keluarganya. Semuanya diselamatkan daripada neraka.” [Hadith riwayat Ahmad]¹⁰

[Hadith Sokongan Ketiga]

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ، حَدَّثَنِي عَمْرُو بْنُ مُحَمَّدٍ النَّاقِدُ، حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ عُثْمَانَ الرَّقِّيُّ، حَدَّثَنَا حَفْصُ أَبُو عُمَرَ، عَنْ كَثِيرِ بْنِ زَادَانَ، عَنْ عَاصِمِ بْنِ ضَمْرَةَ، عَنْ عَلِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ: مَنْ قَرَأَ الْقُرْآنَ فَاسْتَنْظَرَهُ، شَمِعَ فِي عَشْرَةِ مِنْ أَهْلِ بَيْتِهِ قَدْ وَجِبَتْ لَهُمُ النَّارُ

Terjemahan hadith: “Sesiapa yang membaca al-Qur'an kemudian mampu mengeluarkannya (menghafalnya), dapat memberi syafaat kepada 10 orang ahli keluarganya (sehingga) diselamatkan daripada neraka.” [Hadith riwayat Ahmad]¹¹

[Hadith Sokongan Keempat]

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ هِشَامٍ الْمُسْتَمْلِيُّ قَالَ: نَا مُحَمَّدُ بْنُ بَكَّارٍ قَالَ: نَا حَفْصُ بْنُ سَلِيمَانَ، عَنْ كَثِيرِ بْنِ زَادَانَ، عَنْ عَاصِمِ بْنِ ضَمْرَةَ، عَنْ عَلِيِّ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ: مَنْ قَرَأَ الْقُرْآنَ فَاسْتَنْظَرَهُ وَحَفِظَهُ أَدْخَلَهُ اللَّهُ الْجَنَّةَ، وَشَمِعَهُ فِي عِدَّةٍ مِنْ أَهْلِ بَيْتِهِ كُلُّهُمْ قَدْ وَجِبَتْ لَهُ النَّارُ


Terjemahan hadith: “Sesiapa yang membaca al-Qur'an, kemudian mampu mengeluarkannya (menghafalnya) dan memeliharanya, Allah SWT memasukkannya dalam syurga dan memberi syafaat kepada beberapa orang ahli keluarganya. Semuanya diselamatkan daripada neraka.” [Hadith riwayat al-Tabrani dalam Mu'jam al-Awsat]¹²

¹⁰ Ahmad Ibn Hanbal, Musnad Ahmad, Musnad Khulafa' al-Rashidin, Musnad 'Ali Ibn Abi Talib, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, no. Hadith 1281, 360.

¹¹ Ibid, no. Hadith 1271, 357.

¹² Sulayman Ibn Ahmad al-Tabrani, Mu'jam al-Awsat li Tabrani, Bab al-Mim, Min Ismuhi Muhammad, Qahirah: Dar al-Haramayn, no. Hadith 5130, 1559.

Analisis Jalur Sanad Hadith Sokongan (*Mutaba'at*)



Komentar Terhadap Perawi Sanad

Setelah semua jalur hadith (utama dan sokongan) disatukan, didapati masih terdapat Kathir Ibn Zadhan al-Nakh'ie yang tidak dikenali (*majhul*) selain Hafs Ibn Sulayman yang dikritik sebagai perawi *matruk* (ditinggalkan hadithnya oleh ulama hadith) dalam semua jalur sanad. (Rujuk petak berwarna hijau dan merah)

Imam al-Tabrani turut menyatakan bahawa hadith tersebut tidak diriwayatkan daripada 'Ali Ibn Abi Talib kecuali melalui sanad berikut. Malah didapati cuma Hafs bersendirian (*tafarrud*) meriwayatkan daripada Kathir Ibn Zadhan dalam semua riwayat tanpa sokongan lain.¹³ (Rujuk petak berwarna hijau)

Di samping itu dalam jalur hadith sokongan kedua dan ketiga, terdapat pula perawi *mubham* (menggunakan nama umum dan tidak dapat dikenal pasti) bernama 'Abd Allah (hamba Allah) yang menambahkan lagi keda'ifan sanad dan hadith itu sendiri. (Rujuk petak berwarna biru)

¹³ Sulayman Ibn Ahmad al-Tabrani, *Mu'jam Aswat lil Tabrani*, Harf al-Mim, Min Ismuhu Muhammad, Qahirah: Dar al-Haramayn, no. Hadith 5258, 5: 217.

Sehubungan itu, semua sanad sokongan (*mutaba'at*) berikut adalah sangat lemah (*shadid al-Da'f*) dan tidak menemukan sanad yang baik mengenai perihal syafaat penghafal (*huffaz*) al-Quran kepada sepuluh orang ahli keluarganya.

Sokongan (*Syawahid*) Terhadap Hadith Utama

Selanjutnya perlu juga untuk meneliti *syawahid* (sokongan daripada jalur sahabat selain 'Ali Ibn Abi Talib) untuk membantu kebarangkalian mendapatkan jalur hadith yang baik dan boleh diterima pakai. Daripada hasil penelitian, hanya terdapat dua jalur sokongan *syawahid* terhadap hadith utama.

[Hadith Sokongan Pertama]

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ يُوسُفَ التُّرَيْبِيُّ قَالَ: نَا عَيْسَى بْنُ سَالِمٍ الشَّاشِيُّ قَالَ: نَا سَلْمُ بْنُ سَالِمٍ، عَنْ جَعْفَرِ بْنِ الْحَارِثِ، عَنْ عَوْفِ بْنِ سُلَيْمَانَ، عَنْ أَبِي الزُّبَيْرِ، عَنْ جَابِرٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ: لِحَامِلِ الْقُرْآنِ إِذَا أَحَلَّ خَلَالَهُ، وَحَرَّمَ حَرَامَهُ أَنْ يَشْفَعَ فِي عَشْرَةٍ مِنْ أَهْلِ بَيْتِهِ، كُلُّهُمْ قَدْ وَجِبَتْ لَهُ النَّارُ

Terjemahan hadith: "Orang yang menghafaz al-Qur'an, kemudian menghalalkan segala yang diharamkan oleh al-Quran, mengharamkan semua yang al-Quran haramkan, (nescaya) Allah SWT akan memberi syafaat kepada 10 orang ahli keluarganya. Semuanya diselamatkan daripada neraka." [Hadith riwayat al-Bayhaqi dalam Sya'b al-Iman]¹⁴

[Hadith Sokongan Kedua]


أَخْبَرَنَا أَبُو سَعِيدٍ عَثْمَانُ بْنُ عَبْدِوَسَّ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ مَخْفُوطِ الْفَقِيهِ الْجَنْزُورِيُّ، ثنا الْحَاكِمُ أَبُو مُحَمَّدٍ يَحْيَى بْنُ مَنْصُورٍ، ثنا أَبُو عَمْرٍاءُ مُوسَى بْنُ هَارُونَ، ثنا عَيْسَى بْنُ سَالِمٍ، ثنا سَلْمُ بْنُ سَالِمٍ، عَنْ جَعْفَرِ بْنِ الْحَارِثِ، عَنْ عَوْفِ بْنِ سُلَيْمَانَ، عَنْ أَبِي الزُّبَيْرِ، عَنْ جَابِرٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ: لِحَامِلِ الْقُرْآنِ إِذَا عَمِلَ بِهِ، فَأَحَلَّ خَلَالَهُ، وَحَرَّمَ حَرَامَهُ، يُشْفَعُ فِي عَشْرَةٍ مِنْ أَهْلِ بَيْتِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، كُلُّهُمْ قَدْ وَجِبَتْ لَهُمُ النَّارُ

Terjemahan hadith: "Orang yang menghafaz al-Qur'an, kemudian mengamalkannya, menghalalkan segala yang diharamkan oleh al-Quran, mengharamkan semua yang al-Quran haramkan, (nescaya) Allah SWT akan memberi syafaat kepada 10 orang ahli keluarganya pada hari Kiamat. Semuanya diselamatkan daripada neraka." [Hadith riwayat al-Tabrani dalam Mu'jam al-Awsat]¹⁵

¹⁴ Al-Bayhaqi, Sya'b al-Iman lil Bayhaqi, al-Tasi' 'Ashar Min Sya'b al-Iman Huwa Bab fi Ta'zim al-Quran, Fasal fi Tanwir Mawdi' al-Quran, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, no. Hadith 2460, 910.

¹⁵ Sulayman Ibn Ahmad al-Tabrani, Mu'jam Al-Awsat lil Tabrani, Harf al-Mim, Min Ismuhu Muhammad, Qahirah: Dar al-Haramayn, no. Hadith 5258, 1598.

Analisis Jalur Sanad Hadith Utama dan Sokongan (Syawahid)



Setelah kedua-dua jalur sanad sokongan tersebut disatukan, didapati tidak terdapat perawi hadith utama dalam semua jalur *syawahid* yang dinyatakan. Sehubungan itu, setiap jalur tersebut perlu diteliti untuk menilai keabsahannya.

Komentar Terhadap Perawi Sanad

[*Pertama*]: Jabir Ibn 'Abd Allah al-Ansari atau nama penuhnya Abu 'Abd Allah Jabir Ibn 'Abd Allah Ibn 'Amru Ibn Haram Ibn Tha'labah Ibn Ka'ab al-Ansari al-Khazrajy al-Salamiy. Beliau merupakan sahabat dan anak kepada sahabat Nabi Muhammad SAW.¹⁶ Beliau pernah menyertai 19 buah peperangan dan wafat dalam usia 94 tahun di Madinah pada akhir 70 H.¹⁷

[*Kedua*]: Abu al-Zubayr Muhammad Ibn Muslim al-Qurshi al-Makki. Beliau merupakan seorang *saduh* dalam periwayatan kecuali ia akan dipertikaikan apabila melakukan *tadlis*. Beliau merupakan golongan pertengahan *tabi'in* (banyak meriwayatkan hadith daripada *kibar tabi'in*) dan wafat pada tahun 126 H.¹⁸

[*Ketiga*]: 'Awf Ibn Sulaiman: Tidak dapat dikenal pasti (*majhul*). Tidak ditemukan biografinya dalam kitab biografi perawi. Dr. al-'Ali 'Abd al-Hamid Hamid pada mentakhrijkan hadith tersebut dalam kitab *Sya'b al-Iman* turut menyatakan hal sama.¹⁹

[*Keempat*]: Abu al-Asyhab Ja'afar Ibn al-Harith al-Wasati. Beliau merupakan golongan awal *tabi'al-Tabi'in* dan dihukum *saduh kathir al-Khata'* oleh Ibn Hajar al-'Asqalani.²⁰

[*Kelima*]: Salm Ibn Salim al-Bilkhi al-Zahid dihukum *da'if*. Bukhari pula mengkritik ia sebagai *munkar al-Hadith* manakala al-Nasa'i dan selainnya turut menda'ifkannya.²¹

[*Keenam*]: 'Isa Ibn Salim al-Shashi. Ibn Hibban telah menyebutkannya dalam kitab *al-Thiqat*. Al-Khatib al-Baghdadi juga menghukum beliau sebagai *thiqah*.²²

[*Ketujuh*]: Muhammad Ibn Yusuf al-Turki. Al-Khatib al-Baghdadi menghukum beliau sebagai *thiqah*.

Di dalam jalur hadith sokongan kedua pula, terdapat tambahan tiga perawi iaitu:

[*Pertama*]: Abu 'Imran Musa Ibn Harun Ibn 'Abd Allah al-Hamal merupakan seorang yang *thiqah hafiz kabir*. Beliau wafat pada tahun 294 H.²³

[*Kedua*]: Al-Hakim Abu Muhammad Yahya Ibn Mansur Ibn Yahya Ibn 'Abd Malik dihukum sebagai *thiqah* oleh Abu 'Abd Allah al-Hakim.

[*Ketiga*]: Abu Sa'id Uthman Ibn 'Abdus Ibn Mahfuz al-Faqih: Tidak dapat dikenal pasti (*majhul*). Tidak ditemukan biografinya dalam kitab biografi perawi. Dr. al-'Ali 'Abd al-Hamid

¹⁶ Yusuf al-Mizi, *Tahdhib al-Kamal fi Asma' al-Rijal*, Beirut: Muassasah al-Risalah, 4: 443-444.

¹⁷ Ibn Hajar al-'Asqalani, *Taqrib al-Tahdhib*, t.t.: Dar al-'Asimah lil Nashr wa al-Tawzi', 192.

¹⁸ *Ibid*, 895.

¹⁹ Al-Bayhaqi, *Al-Jami' li Sya'b al-Iman*, al-Tasi' 'Ashar Min Sya'b al-Iman Huwa Bab fi Ta'zim al-Quran, Fasal fi Tanwir Mawdi' al-Quran, Saudi: Maktabah al-Rushd, 4: 228.

²⁰ Ibn Hajar al-'Asqalani, *Taqrib al-Tahdhib*, t.t.: Dar al-'Asimah lil Nashr wa al-Tawzi', 199.

²¹ Al-Bayhaqi, *Al-Jami' li Sya'b al-Iman*, al-Tasi' 'Ashar Min Sya'b al-Iman Huwa Bab fi Ta'zim al-Quran, Fasal fi Tanwir Mawdi' al-Quran, Saudi: Maktabah al-Rushd, 4: 228.

²² Al-Bayhaqi, *Al-Jami' li Sya'b al-Iman*, al-Tasi' 'Ashar Min Sya'b al-Iman Huwa Bab fi Ta'zim al-Quran, Fasal fi Tanwir Mawdi' al-Quran, Saudi: Maktabah al-Rushd, 4: 228.

²³ Ibn Hajar al-'Asqalani, *Taqrib al-Tahdhib*, t.t.: Dar al-'Asimah lil Nashr wa al-Tawzi', 986.

Hamid pada mentakhrijkan hadith tersebut dalam kitab *Sya'b al-Iman* turut menyatakan hal sama.²⁴

Dalam kedua-dua sanad hadith tersebut, kelemahannya terdapat pada 'Awf Ibn Sulayman (dalam kedua-dua sanad) dan Abu Sa'id Uthman Ibn 'Abdus Ibn Mahfuz al-Faqih (dalam sanad kedua) disebabkan mereka berdua tidak dapat dikenal pasti (*majhul*). Ditambah pula dengan kritikan ulama' terhadap Salm Ibn Salim (*da'if*) dan Ja'afar Ibn al-Harith (*saduq kathir al-Khata'*), menjadikan sanad sokongan (*syawahid*) tersebut menjadi semakin lemah.

Imam al-Tabrani turut menyatakan bahawa kedua-dua hadith tersebut tidak diriwayatkan daripada Ja'afar Ibn al-Harith kecuali melalui jalan Salm Ibn Salim. Bahkan hanya 'Isa Ibn Salim secara bersendirian (*tafarrud*) dalam periwayatan dari Salm Ibn Salim.²⁵ (Rujuk petak berwarna hijau)

Kesimpulan Terhadap Status Hadith

Melalui penelitian terhadap keadaan sanad utama serta sanad sokongan (*mutaba'at* dan *syawahid*), didapati hadith syafaat *huffaz* kepada sepuluh orang ahli keluarganya adalah tidak sahih dan dinilai sebagai sangat lemah (*munkar al-Hadith*) disebabkan kewujudan ramai perawi yang dikritik, dipertikaikan riwayatnya oleh ulama' hadith serta *majhul* (tidak dikenali) di dalam periwayatan hadith.

Selain itu, ketiadaan riwayat lain yang baik (*jayyid*) bertujuan digunakan sebagai sokongan turut menyebabkan ia kekal lemah sehingga dimuatkan dalam kitab *Mawsu'ah al-Ahadith wa al-Athar al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah*.²⁶

Imam al-Albani dalam kitab *Da'if Targhib wa Tarhib* juga menghukum sanad hadith tersebut secara keseluruhannya sebagai tidak sahih dan di dalamnya terdapat perawi *matruk* (ditinggalkan hadithnya oleh ulama hadith), berdusta sebahagiannya dan *majhul* (tidak dikenali).²⁷

Di samping itu, pengkaji turut meneliti sanad-sanad lain yang ada bagi hadith yang sama dalam pelbagai kitab hadith secara rawak (tidak dibincangkan disebabkan keterbatasan penulisan artikel). Hasilnya tetap sama iaitu semuanya berkeadaan lemah (*da'if*). Jikalau kesemua sanad tersebut dihimpunkan, pasti tidak akan menaikkan taraf hadith tersebut bahkan menambahkan lagi kelemahannya.

Tambahan, jika terdapat sanad hadith tersebut yang terbukti baik (*jayyid*), pasti akan didahulukan oleh para ulama' dan mudah untuk dicapai. Kesimpulannya, status hadith syafaat *huffaz* kepada sepuluh orang ahli keluarganya adalah terlalu lemah (*shadid al-Da'f*) dan tidak boleh digunapakai sebagai dalil, hujah atau penyokong dalam bab akidah (*syafaat*) atau wujudnya *Exclusive 10 VIP Pass to Jannah*.

²⁴ Al-Bayhaqi, Al-Jami' li Sya'b al-Iman, al-Tasi' 'Ashar Min Sya'b al-Iman Huwa Bab fi Ta'zim al-Quran, Fasal fi Tanwir Mawdi' al-Quran, Saudi: Maktabah al-Rushd, 4: 228.

²⁵ Sulayman Ibn Ahmad al-Tabrani, Mu'jam Aswat lil Tabrani, Harf al-Mim, Min Ismuhu Muhammad, Qahirah: Dar al-Haramayn, no. Hadith 5258, 5: 260.

²⁶ 'Ali Hasan 'Ali al-Halabi, Mawsu'ah al-Ahadith wa al-Athar al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', 9: 360, no. Hadith 24110.

²⁷ Muhammad Nasir al-Din al-Albani, Da'if Targhib wa Tarhib, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', 1: 432.

Riwayat Sahih Berkenaan Kelebihan Huffaz al-Quran

Tidak dinafikan bahawa terdapat banyak hadith-hadith sahih lain berkaitan kelebihan orang yang melazimi al-Quran. Misalnya:

حَدَّثَنَا حَجَّاجُ بْنُ مِنْهَالٍ، حَدَّثَنَا شُعْبَةُ قَالَ: أَخْبَرَنِي عَلْقَمَةُ بْنُ مَرْثَدٍ، سَمِعْتُ سَعْدَ بْنَ عُبَيْدَةَ، عَنْ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ السَّلْمِيِّ، عَنْ عُمَرَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ قَالَ: خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ

Terjemahan Hadith: *“Sebaik-baik orang dalam kalangan kamu ialah yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya.”* [Hadith riwayat al-Bukhari]²⁸

Imam Ibn Battal dalam mengulas hadith di atas turut membawakan pelbagai riwayat daripada para sahabat RA berkenaan fadilat al-Quran. Antaranya:²⁹

Seorang lelaki ‘Arab pernah berjumpa dengan ‘Abd Allah Ibn Mas‘ud (di mana pada ketika itu), beliau sedang membacakan ayat al-Quran kepada satu kaum. Dia bertanya: *“Apakah yang kamu semua lakukan?”* Lantas Ibn Mas‘ud menjawab: *“Kami sedang berkongsi warisan Muhammad SAW.”*

‘Abd Allah Ibn ‘Amru pernah berpesan: *“Lazimilah al-Quran, pelajari dan ajarkan al-Quran kepada anak-anak kamu. (Hal ini kerana) kewajiban ini akan dipersoalkan kelak, dan diberikan ganjaran (bagi yang melaksanakannya). Cukuplah (pesanan ini) menjadi pengajaran bagi orang yang berakal.”*

Ibn Mas‘ud mengatakan: *“Kamu akan ditanya tentang (hubungan) diri kamu dan al-Quran. Jika kamu mencintai al-Quran, maka kamu mencintai Allah dan Rasul-Nya.”*

Seterusnya berkenaan syafaat khusus daripada al-Quran terhadap pembaca dan penghafalnya, terdapat satu hadith riwayat Muslim.

حَدَّثَنِي الْحُسَيْنُ بْنُ عَلِيٍّ الْحُلَوَانِيُّ، حَدَّثَنَا أَبُو تَوْبَةَ وَهُوَ الرَّبِيعُ بْنُ نَافِعٍ، حَدَّثَنَا مُعَاوِيَةُ بْنُ يَغْنِيٍّ ابْنَ سَلَامٍ، عَنْ زَيْدٍ، أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا سَلَامٍ يَقُولُ: حَدَّثَنِي أَبُو أَمَامَةَ الْبَاهِلِيُّ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ يَقُولُ: اقْرَأُوا الْقُرْآنَ، فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ

Terjemahan hadith: *“Bacalah al-Quran kerana ia akan datang memberi syafaat kepada pembacanya pada hari Kiamat.”* [Hadith riwayat Muslim]³⁰

Dalam bab syafaat penghafaz al-Quran secara khusus kepada ahli keluarga, tidak ditemukan hadith yang sahih. Walaubagaimanapun terdapat satu hadith *da‘if* yang boleh dijadikan galakan atau menunjukkan kelebihan amalan menghafaz al-Quran dan kesannya kepada kedua ibu bapa.

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ عَمْرٍو بْنِ السَّرْحِ، أَخْبَرَنَا ابْنُ وَهْبٍ، أَخْبَرَنِي يَحْيَى بْنُ أَيُّوبَ، عَنْ زَبَّانِ بْنِ فَائِدٍ، عَنْ سَهْلِ بْنِ مُعَاذِ الْجُهَيْنِيِّ، عَنْ أَبِيهِ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ: مَنْ قَرَأَ الْقُرْآنَ وَعَمِلَ بِمَا فِيهِ أَلْبَسَ وَالِدَاهُ تَاجًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ ضَوْؤُهُ أَحْسَنُ مِنْ ضَوْءِ الشَّمْسِ فِي بُيُوتِ الدُّنْيَا لَوْ كَانَتْ فِيكُمْ فَمَا ظَنَنْتُكُمْ بِالَّذِي عَمِلَ بِهَذَا

Terjemahan hadith: *“Sesiapa yang membaca al-Quran dan mengamalkan isi kandungannya, maka pada hari Qiamat kedua ibu bapanya akan dipakaikan mahkota, sinarnya lebih terang daripada cahaya matahari berada di rumah kita. Bagaimana menurut perkiraan kalian,*

²⁸ Muhammad Ibn Isma‘il al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab Fada‘il al-Quran, Bab Khayrukum Man Ta‘allam al-Quran wa ‘Allamahu, Beirut: Dar Ibn Kathir, no. Hadith 5027, 1569.

²⁹ Abu al-Husayn ‘Ali Ibn Khalaf Ibn ‘Abd al-Malik, Sharh Sahih al-Bukhari li Ibn Battal, Riyad: Maktabah al-Rushd, 10: 266.

³⁰ Muslim Ibn al-Hajjaj, Sahih Muslim, Kitab Solat al-Musafirin wa Qasariha, Bab Fadhl Qira‘ah al-Quran wa Surah al-Baqarah, Beirut: Dar Ihya‘ al-Turath al-‘Arabi, no. Hadith 807, 509.

bagaimana agaknya ganjaran untuk orang yang mengamalkannya sendiri?" [Hadith da'if riwayat Abu Dawud]³¹

Namun begitu, pengaplikasian hadith tersebut sama ada dalam aspek galakan atau ancaman (*targhib wa tarhib*) dan kelebihan amalan (*fada'il al-A'mal*) perlu menekuni syarat tertentu sebagaimana digariskan oleh al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani.³²

Kesimpulan

Hadith syafaat *huffaz* kepada sepuluh orang ahli keluarganya adalah riwayat *munkar* (terlalu lemah) dan tidak mempunyai sokongan atau menepati nas yang sahih dalam bab akidah (syafaat). Tambahan pula, mengkhususkan bilangan orang tertentu yang menerima syafaat akibat penghafaz al-Quran adalah tidak *thabit*. Bahkan kelebihan-kelebihan termasuk syafaat yang paling banyak di dalam nas yang *thabit* ialah kepada pembaca dan penghafaznya sahaja.

Namun begitu, al-Quran diyakini mempunyai banyak hikmah tersurat dan tersirat di dalamnya dan orang yang sentiasa melaziminya akan bertambah keberkatan di dalam kehidupan dan turut terkesan kepada orang di sekeliling. Oleh itu, mungkin ibu bapa juga akan mendapat kelebihan tersebut disebabkan mereka menjadi *asbab* anak tersebut mempelajari al-Quran. Namun, apa gunanya juga jikalau anak sahaja yang *hafiz*, akan tetapi ibu bapa jauh daripada al-Quran.

Penghargaan

Artikel ini merupakan hasil geran penyelidikan Universiti Malaya (FP026-2015A) bertajuk "*Salah Faham Terhadap Sunnah Di Malaysia: Kajian Ke Arah Mengharmonikan Pandangan Antara Golongan Yang Menolak Dengan Golongan Yang Menerima.*"

Rujukan

- 'Ali Hasan 'Ali al-Halabi, *Mawsu'ah al-Ahadith wa al-Athar al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah*, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', 9: 360, no. Hadith 24110.
- Abu al-Husayn 'Ali Ibn Khalaf Ibn 'Abd al-Malik, *Sharh Sahih al-Bukhari li Ibn Battal*, Riyad: Maktabah al-Rushd, 10: 266.
- Abu Dawud al-Qazwayni, *Sunan Abu Dawud, Kitab al-Witr, Bab fi Thawab Qira'ah al-Quran*, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', no. Hadith 251, 1453.
- Ahmad Ibn Hanbal, *Musnad Ahmad, Musnad Khulafa' al-Rashidin, Musnad 'Ali Ibn Abi Talib*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, no. Hadith 1281, 360.
- Al-'Asqalani, *Tabyin al-'Ajab bi ma Warada fi Syahr Rajab, Qahirah: Muasasah Qurtubah, t.t., 26.*
- Al-Bayhaqi, *Al-Jami' li Sya'b al-Iman, al-Tasi' 'Ashar Min Sya'b al-Iman Huwa Bab fi Ta'zim al-Quran, Fasal fi Tanwir Mawdi' al-Quran, Saudi: Maktabah al-Rushd, 4: 228.*

³¹ Abu Dawud al-Qazwayni, *Sunan Abu Dawud, Kitab al-Witr, Bab fi Thawab Qira'ah al-Quran*, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', no. Hadith 251, 1453.

³² Al-'Asqalani, *Tabyin al-'Ajab bi ma Warada fi Syahr Rajab, Qahirah: Muasasah Qurtubah, t.t., 26.*

- Ibn Hajar al-‘Asqalani, *Taqrib al-Tahdhib*, t.t.: Dar al-‘Asimah lil Nashr wa al-Tawzi’, 698.
- Ibn Majah al-Qazwayni, *Sunan Ibn Majah*, *Abwab fi Fada’il Ashab Rasulullah*, Bab Man Ta’allam al-Quran wa ‘Allamahu, Beirut: Dar al-Fikr, no. Hadith. 216, 62.
- Muhammad Ibn ‘Isa al-Tirmidhi, *Jami’ al-Tirmidhi*, *Kitab Fada’il al-Quran*, Bab Ma Ja’a fi Fadhl Qari’ al-Quran, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, no. Hadith 2905, 1070.
- Muhammad Ibn ‘Isa al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, Riyadh: Maktabah al-Ma’arif li al-Nashr wa al-Tawzi’, no. Hadith 2905, 649.
- Muhammad Ibn Isma’il al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, *Kitab Fada’il al-Quran*, Bab Khayrukum Man Ta’allam al-Quran wa ‘Allamahu, Beirut: Dar Ibn Kathir, no. Hadith 5027, 1569.
- Muhammad Nasir al-Din al-Albani, *Da’if Targhib wa Tarhib*, Riyadh: Maktabah al-Ma’arif li al-Nashr wa al-Tawzi’, 1: 432.
- Muslim Ibn al-Hajjaj, *Sahih Muslim*, *Kitab Solat al-Musafirin wa Qasariha*, Bab Fadhl Qira’ah al-Quran wa Surah al-Baqarah, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, no. Hadith 807, 509.
- Sulayman Ibn Ahmad al-Tabrani, *Mu’jam al-Awsat li Tabrani*, Bab al-Mim, Min Ismuhu Muhammad, Qahirah: Dar al-Haramayn, no. Hadith 5130, 1559.
- Yusuf al-Mizi, *Tahdhib al-Kamal fi Asma’ al-Rijal*, Beirut: Muassasah al-Risalah, 4: 443-444.